

# PRUDENTIAL BSN

---

## TAKAFUL

Agar anda sentiasa dilindungi.



# PELAN LENGKAP PERTAMA UNTUK KEPERLUAN TAKAFUL ANDA

Anda memiliki fleksibiliti untuk memilih perlindungan yang paling ideal, berpatutan dan mudah. Bagi menempuh cabaran yang mendatang, anda perlu melindungi potensi pendapatan anda daripada ujian dan kesulitan dalam kehidupan. Perkara yang tidak dijangka seperti kematian, hilang upaya kekal dan menyeluruh dan krisis perubatan boleh mengurangkan nilai pendapatan masa depan anda dan membebaskan mereka yang menjadi tanggungan anda. Pastikan anda sentiasa dilindungi dengan pelan perlindungan komprehensif yang dapat memberikan anda kedamaian fikiran di saat anda memerlukannya. Jangan khuatir, **PruBSN Setia** akan memastikan anda sentiasa dilindungi dan memberikan anda kawalan kewangan dengan pelan penyelesaian yang boleh diubah suai untuk membantu keperluan perlindungan anda:

- Kematian dan Hilang Upaya**
- Bayaran Perubatan dan Hospital**
- Perlindungan Penyakit Kritikal**
- Perlindungan Kemalangan**
- Perlindungan Perubatan Kemalangan**
- Penggantian Pendapatan**
- Simpanan/Pelaburan**

## HARGA SEBUAH KEHIDUPAN TIDAK TERNILAI

Namun sebaliknya apabila berlaku kejadian malang yang mampu merubah kehidupan.

<b>Kemasukan ke Hospital</b>	Lebih satu pertiga daripada rakyat Malaysia membayar secara terus untuk perkhidmatan perubatan menggunakan wang mereka sendiri. <sup>1</sup> Dengan inflasi perubatan meningkat secara tetap pada kadar 12% setiap tahun <sup>2</sup> , khidmat rawatan perubatan swasta lantas menjadi simbol status kemewahan, dan tidak ramai di antara kita mampu untuk mendapatkannya. Tenaga pekerja di Malaysia juga menghadapi masalah perlindungan yang tidak mencukupi atau terhad beserta syarat-syarat yang tidak fleksibel dalam memenuhi keperluan perlindungan mereka.  Manfaat perlindungan perubatan untuk tenaga pekerja yang disediakan oleh majikan adalah berbeza mengikut organisasi. Sesetengah syarikat menawarkan faedah pekerja yang lebih baik, manakala ada juga syarikat yang hanya menyediakan keperluan perlindungan asas untuk pekerja. Memiliki pelan perlindungan kedua boleh membantu untuk mengurangkan bebanan kewangan seiring dengan peningkatan kos perbelanjaan perubatan.
<b>Penyakit Kritikal</b>	1 daripada 4 rakyat Malaysia dijangka akan disahkan menghidap kanser sebelum umur 75 tahun. <sup>3</sup>
<b>Kemalangan</b>	Pada tahun 2016, sejumlah 7,152 orang meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya di Malaysia. <sup>4</sup>

### Sumber:

<sup>1</sup> <https://www.pressreader.com/malaysia/the-star-malaysia/20160814/282703341492319>

<sup>2</sup> <https://www.imoney.my/articles/all-you-need-to-know-about-getting-medical-insurance-in-malaysia>

<sup>3</sup> <https://www.nst.com.my/news/2016/04/136974/malaysian-women-more-susceptible-cancer-compared-men>

<sup>4</sup> <https://www.nst.com.my/news/2017/01/205090/number-fatal-road-accidents-2016-more-7000-lives-lost>




# PruBSN Setia

**PruBSN Setia** adalah pakej perlindungan yang berdasarkan pada **PruBSN AsasLink**. Disertakan dengan rider penyakit kritikal, perubatan, kemalangan, dan rider Contributor, ia adalah sebuah pelan penyelesaian takaful yang komprehensif bagi memenuhi segala keperluan perlindungan anda. Malah dengan Takaful Saver, pelan ini juga berfungsi sebagai pelan simpanan untuk dana persaraan anda.

**PruBSN AsasLink** adalah satu pelan takaful sumbangan berkala berkaitan pelaburan yang membayar Jumlah Perlindungan Asas apabila disahkan Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh (TPD) sebelum Tarikh Ulang Tahun Sijil apabila orang yang dilindungi berumur 70 tahun atau kematian orang yang dilindungi, yang mana lebih awal.

Sebagai satu pelan asas, pelbagai rider komprehensif ditawarkan untuk memenuhi keperluan kewangan dan perlindungan peribadi anda.

## BINA JARINGAN KESELAMATAN KEHIDUPAN ANDA YANG LENGKAP



# HEALTHPROTECTOR

HealthProtector ialah rider perubatan yang membayar balik perbelanjaan perubatan yang dikenakan sekiranya anda dimasukkan ke hospital dan menerima rawatan pesakit luar. HealthProtector menawarkan anda:



## Pilihan SmartSaver atau High Deductible

Pilihan SmartSaver atau High Deductible memberikan anda fleksibiliti untuk memiliki pelan perubatan yang direka khusus untuk memenuhi keperluan anda.



## Smart Value Point: RM1 juta, RM1.5 juta atau RM2 juta

HealthProtector adalah pelan perubatan takaful dengan **TIADA** had tahunan dan **TIADA** had seumur hidup untuk memberikan anda perlindungan yang berterusan. Sekiranya jumlah terkumpul tuntutan yang layak dibayar melebihi nilai permulaan Smart Value Point anda berserta sebarang nilai terkumpul Smart Value Point Bonus, kami masih akan membayar 80% daripada lebihan kos manfaat yang layak.



## Smart Value Point Bonus

Memberi anda ganjaran kerana kekal sihat dengan meningkatkan nilai Smart Value Point anda.



## 100% Ketidakbatalan

HealthProtector tidak boleh dibatalkan dan dijamin pembaharuan oleh PruBSN.

*Nota: Untuk maklumat lengkap HealthProtector, sila rujuk kepada brosur HealthProtector.*

## PERLINDUNGAN PERUBATAN KOMPREHENSIF DENGAN HEALTHPROTECTOR

### PILIHAN SMART VALUE POINT

RM1 juta,  
RM1.5 juta  
atau RM2 juta

### PILIHAN BAYARAN BERSAMA PERUBATAN

#### High Deductible:

RM20,000,  
RM50,000,  
RM75,000  
atau RM100,000

**SmartSaver:**  
SmartSaver300  
atau SmartSaver1000

### PILIHAN BILIK & PENGINAPAN (R&B)

RM100, RM200,  
RM300, RM400,  
RM500 atau RM600

## HIGH DEDUCTIBLE

Jika anda memilih High Deductible, anda perlu membayar terlebih dahulu amaun tetap yang bersamaan dengan deduktibel yang dipilih daripada jumlah terkumpul bagi manfaat yang boleh dibayar pada tahun tersebut, sebelum PruBSN membayar perbelanjaan yang selebihnya. Jumlah terkumpul bagi manfaat yang boleh dibayar pada tahun tersebut tidak akan dibawa ke tahun seterusnya.

Jika anda telah mempunyai pelan perubatan dengan had tahunan bersamaan dengan (atau lebih tinggi daripada) jumlah deduktibel, perbelanjaan yang layak yang melebihi nilai High Deductible yang dipilih akan dilindungi oleh HealthProtector.

High Deductible terpakai untuk Manfaat R&B, Manfaat Hospital dan Pembedahan, Manfaat Rawatan Pesakit Luar, dan manfaat lain kecuali Pendapatan Perubatan Kedua dan Bantuan Perubatan Kecemasan.



## SMARTSAVER

Jika anda memilih SmartSaver300 atau SmartSaver1000, anda perlu membayar terlebih dahulu amaun tetap sebanyak RM300 (untuk SmartSaver300) atau RM1,000 (untuk SmartSaver1000) daripada jumlah perbelanjaan yang layak ditanggung untuk manfaat yang layak bagi setiap hilang upaya sebelum PruBSN membayar baki perbelanjaan. SmartSaver tidak terpakai untuk kos Bilik dan Penginapan Hospital Harian, Pembedahan Harian, Prosedur Jagaan Harian, Rawatan Kanser Pesakit Luar, Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar, Rawatan Kecemasan bagi Kecelakaan akibat Kemalangan, Pendapatan Perubatan Kedua, Bantuan Perubatan Kecemasan dan Kanta Intraokular.

SmartSaver memberikan anda fleksibiliti untuk menikmati penjimatan sumbangan di mana penjimatan ini boleh digunakan untuk meningkatkan tahap perlindungan dan dana persaraan anda. Anda boleh memperolehi LEBIH simpanan dengan nilai tunai yang lebih tinggi, LEBIH perlindungan dan LEBIH manfaat dengan pelan perubatan yang lebih baik.

## LENGGAPKAN PERLINDUNGAN ANDA

<b>Rider Perubatan</b>	Hindari kebimbangan anda dengan HealthProtector, pelan perubatan yang komprehensif dengan TIADA had tahunan dan TIADA had seumur hidup untuk perbelanjaan kemasukan ke hospital dan rawatan pesakit luar. Rider ini menyediakan pelbagai pilihan peringkat Bilik dan Penginapan Hospital Harian, Pilihan Bayaran Bersama dan Smart Value Point (SVP) untuk memenuhi keperluan anda.
<b>Rider Penyakit Kritikal</b>	Tenangkan fikiran dan fokus kepada pemulihan anda apabila anda menerima pembayaran sekaligus setelah didiagnosis dengan mana-mana 43 Penyakit Kritikal yang dilindungi: i. Crisis Protector ii. Crisis Shield

<b>Rider Kemalangan</b>	Dapatkan perlindungan kemalangan: i. Accidental Protector Plus: menyediakan manfaat sekaligus ii. Accidental Medical Protector: menyediakan pembayaran balik kos perubatan iii. Accidental Income Protector: menyediakan perlindungan pendapatan
<b>Rider Sumbangan</b>	Rider Contributor akan membantu untuk membayar pelan anda sekiranya berlaku kematian (jika berkenaan), TPD atau Penyakit Kritikal kepada anda atau ahli keluarga anda yang dilindungi: i. Contributor Protect ii. Contributor Saver iii. Contributor Spouse Protect iv. Contributor Spouse Saver Jika lebih daripada satu rider Contributor berlaku pada masa yang sama, Dana <i>Tabarru'</i> bukan sahaja akan membantu anda dengan bayaran sumbangan sijil, tetapi satu jumlah yang sama dengan Jumlah Perlindungan bagi rider Contributor terlibat akan diperuntukkan 100% ke dalam akaun sijil, yang memberikan lebih banyak dana untuk anda.
<b>Rider Simpanan/ Pelaburan</b>	Pupuk amalan menyimpan dan melabur secara tetap dengan Takaful Saver yang akan meningkatkan nilai wang anda dengan potensi pulangan dan peningkatan nilai tunai.

## CIRI-CIRI PRODUK

<b>Manfaat Kematian</b>	Sekiranya berlaku kematian sebelum tamat tempoh perlindungan, manfaat berikut akan dibayar: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jumlah Perlindungan Asas; dan</li> <li>• Nilai unit dalam Akaun Unit Perlindungan (PUA) dan Akaun Unit Pelaburan (IUA).</li> </ul>
<b>Manfaat Hilang Upaya kekal dan Menyeluruh (TPD)</b>	Jumlah perlindungan akan dibayar sekiranya berlaku TPD sebelum tarikh ulang tahun sijil apabila orang yang dilindungi berumur 70 tahun atau sebelum tamat tempoh perlindungan, yang mana terdahulu.
<b>Umur Kemasukan</b>	19 hingga 70 tahun.
<b>Tempoh Sijil</b>	Pilih untuk dilindungi sehingga umur tamat tempoh 60, 70, 80, 90 atau 100, atau untuk tempoh 20 tahun. <b>Nota:</b> Pilihan adalah berdasarkan umur kemasukan orang yang dilindungi dengan tempoh sijil minimum tidak kurang dari 20 tahun.

**Nota:** Produk ini didatangkan dengan Pelanjutan Tempoh Sijil. Perlindungan akan berlanjutan selagi terdapat nilai tunai yang mencukupi untuk penolakan *Tabarru'* dan caj lain sehingga umur 100 tahun atau sehingga tempoh perlindungan yang maksimum untuk manfaat tertentu, yang mana lebih awal. Sumbangan tambahan mungkin diperlukan untuk memastikan nilai tunai adalah mencukupi dan semua terma dan syarat sijil akan terpakai semasa tempoh yang dilanjutkan. Sijil akan luput sekiranya nilai tunai tidak mencukupi.

## Sumbangan

Sumbangan adalah bergantung kepada pilihan anda bagi Jumlah Perlindungan Asas, rider, umur tamat tempoh dan kekerapan sumbangan (bulanan, suku tahun, setengah tahun atau tahunan). Kadar sumbangan akan berbeza mengikut umur kemasukan, jantina, status merokok, kelas pekerjaan dan keadaan kesihatan.

Jadual di bawah menunjukkan contoh sumbangan tahunan untuk lelaki yang tidak merokok yang berumur 30 tahun tanpa sebarang masalah kesihatan, dengan jumlah perlindungan asas yang dilindungi dari RM100,000, tempoh sijil yang dipilih sehingga umur 70 tahun dan dana berkaitan pelaburan yang dipilih adalah 50% Takafulink Dana Urus dan 50% Takafulink Dana Sujuk:

Jumlah sumbangan yang perlu dibayar berdasarkan tempoh sijil sehingga umur 70 tahun	Untuk meningkatkan kemampuan sijil anda sehingga akhir Pelanjutan Tempoh Sijil (sehingga umur 100 tahun)	
	Alternatif 1	Alternatif 2
RM1,200 Tahunan daripada umur 30 tahun sehingga umur 69 tahun	<p>Kami menasihatkan untuk terus membayar jumlah sumbangan sehingga akhir Pelanjutan Tempoh Sijil.</p> <p>Selain itu, penambahan sumbangan berkala* sebanyak RM708 Tahunan adalah dicadangkan daripada umur 30 tahun sehingga akhir Pelanjutan Tempoh Sijil.</p> <p>Jumlah sumbangan yang perlu dibayar: RM1,908 Tahunan daripada umur 30 tahun sehingga umur 99 tahun.</p>	<p>Kami menasihatkan untuk terus membayar jumlah sumbangan sehingga akhir Pelanjutan Tempoh Sijil.</p> <p>Selain itu, penambahan sumbangan berkala* sebanyak RM5,724 Tahunan adalah dicadangkan daripada umur 70 tahun sehingga akhir Pelanjutan Tempoh Sijil.</p> <p>Jumlah sumbangan yang perlu dibayar: RM1,200 Tahunan daripada umur 30 tahun sehingga umur 69 tahun.  RM6,924 Tahunan daripada umur 70 tahun sehingga umur 99 tahun.</p>

**Nota:** Jumlah sumbangan yang ditunjukkan di atas adalah tidak dijamin dan dianggarkan berdasarkan jumlah minimum yang diperlukan. Sumbangan juga mungkin berbeza bergantung kepada pulangan pelaburan sebenar, manfaat yang dipilih, pembayaran sumbangan, Penolakan Tabarru' dan caj. Anda boleh merujuk kepada penyata tahunan untuk jumlah penambahan sumbangan berkala yang dicadangkan, yang dikemaskini setiap tahun untuk meningkatkan kemampuan sijil sehingga tempoh yang dilanjutkan (berdasarkan Alternatif 1 di atas) dan mungkin boleh mempertimbangkan untuk menambah sumbangan anda dari semasa ke semasa untuk meningkatkan kemampuan sijil anda. PruBSN akan memaklumkan kepada anda sekurang-kurangnya 90 hari sebelum Pelanjutan Tempoh Sijil jika terdapat sebarang sumbangan tambahan yang diperlukan semasa tempoh yang dilanjutkan. Sila rujuk Lampiran Keterangan Produk untuk sumbangan yang perlu dibayar berdasarkan perlindungan yang dipilih.

\*Penambahan sumbangan berkala boleh dilakukan melalui rider Takaful Saver, jika berkenaan.

## PERUNTUKAN SUMBANGAN

Sumbangan anda (selepas ditolak caj-caj *Wakalah*) akan dilaburkan ke dalam dana berkaitan pelaburan yang diluluskan Syariah yang anda pilih. Sila rujuk kepada Ilustrasi Produk untuk maklumat peruntukan sumbangan anda.

Untuk maklumat lanjut mengenai Helaian Fakta Dana dan prestasi masa lalu dana, anda boleh merujuk laman web kami di [www.prubsn.com.my](http://www.prubsn.com.my)

# CAJ-CAJ DAN PENOLAKAN

## Caj *Wakalah* Pendahuluan

Caj ini membolehkan kami untuk membayar komisen dan perbelanjaan berkaitan pengagihan serta perbelanjaan pengurusan. Peratusan yang ditunjukkan di jadual adalah berdasarkan tempoh sumbangan 20 tahun dan ke atas. Bagi tempoh kurang daripada 20 tahun, sila rujuk Ilustrasi Produk.

Akaun/Tahun Sumbangan	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11 & Ke Atas
PUA	40%	40%	40%	20%	20%	20%	5%	5%	5%	5%	0%
IUA						5%					

## Caj *Wakalah* Perkhidmatan

Caj *Wakalah* Perkhidmatan dikenakan setiap bulan selagi sijil masih berkuatkuasa. Berikut adalah Caj *Wakalah* Perkhidmatan untuk semua cara pembayaran:

Cara Pembayaran Sumbangan	Semua Kekerapan Pembayaran
Tunai/Cek	RM8 sebulan
Lain-lain	RM7 sebulan

Terdapat caj tambahan sebanyak RM5 sebulan jika anda menambahkan HealthProtector.

## Caj *Wakalah* Pengurusan Aset

Caj ini dikenakan setiap hari daripada nilai akaun pelaburan anda. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada Helaiian Fakta Dana.

## Penolakan *Tabarru`*

Penolakan *Tabarru`* ditolak setiap bulan daripada nilai unit anda untuk membayar perlindungan takaful anda. Penolakan *Tabarru`* untuk perlindungan takaful berbeza mengikut umur, jantina, status merokok, kelas pekerjaan, pengkadaran perubatan dan jumlah perlindungan. Penolakan *Tabarru`* akan meningkat apabila umur anda meningkat.

Penolakan *Tabarru`* adalah sebahagian nilai tertentu daripada sumbangan ke dalam Dana *Tabarru`* bagi tujuan saling membantu di kalangan peserta mengikut manfaat-manfaat yang dipersetujui di bawah pelan tersebut.

## Caj *Wakalah* Penambahan Sumbangan Tunggal

Caj sebanyak 5% akan dikenakan untuk setiap Penambahan Sumbangan Tunggal. Di samping itu, caj tambahan sebanyak RM25 akan dikenakan untuk setiap penambahan.

## Caj *Wakalah* Penukaran Dana

Terdapat empat penukaran secara percuma setiap tahun. Untuk sebarang penukaran seterusnya dalam tahun tersebut, Caj *Wakalah* Penukaran Dana ditetapkan pada 1% daripada amaun yang ditukar (tertakluk kepada jumlah maksimum sebanyak RM50).

## Caj *Wakalah* Pengeluaran Separa

RM25 akan dikenakan bagi setiap permohonan.

### Nota:

- Caj *Wakalah* Pengeluaran Separa, Caj *Wakalah* Penukaran Dana dan caj tambahan untuk Penambahan Sumbangan Tunggal kini dikecualikan sehingga transaksi elektronik tersedia. Selepas itu, permohonan secara manual melalui cawangan akan tertakluk kepada bayaran yang dinyatakan.



## NOTA-NOTA PENTING

1. Risalah ini tidak mengikat sebarang kontrak di antara anda dan **Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN)**. Untuk maklumat lanjut mengenai pelan ini dan rider pilihan, sila rujuk kepada Ilustrasi Produk, Lampiran Keterangan Produk dan Helaian Fakta Dana, sebelum menyertai pelan ini dan merujuk kepada terma dan syarat dalam dokumen sijil untuk maklumat lanjut mengenai ciri-ciri penting pelan.
2. Sila ambil perhatian bahawa pakej yang terkandung di sini terdiri daripada komponen yang boleh disertai secara berasingan dan anda tidak diwajibkan untuk memilih semua komponen pakej ini.
3. Anda seharusnya berpuas hati bahawa pelan ini mampu memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang dibayar merupakan jumlah yang anda mampu bayar.
4. Pulangan daripada PUA dan IUA anda (jika berkenaan), jika ada, akan berdasarkan kepada prestasi sebenar dana-dana dan ia tidak dijamin.
5. Risiko pelaburan dana akan ditanggung sepenuhnya oleh anda dan manfaatnya mungkin kurang daripada jumlah sumbangan yang dibayar.
6. **PruBSN AsasLink** adalah berdasarkan persetujuan bantuan bersama (*Ta'awun*) di mana sebahagian daripada sumbangan anda ditolak dan dikumpulkan ke dalam Dana *Tabarru'* bersama dengan sumbangan peserta-peserta yang lain untuk memberikan manfaat kewangan bersama yang boleh dibayar kepada semua peserta takaful yang layak. Berdasarkan prinsip *Wakalah bi al-ujrah*, PruBSN akan menguruskan pelan takaful anda sebagai pulangan untuk caj-caj *Wakalah* yang tersenarai di atas. Perlindungan takaful diperoleh daripada Dana *Tabarru'*.
7. Anda berhak menerima sebarang agihan lebihan termasuk keuntungan pelaburan (jika ada) daripada Dana *Tabarru'*. Bersama para peserta yang lain, anda berhak menerima 50% daripada agihan lebihan dan PruBSN akan menerima baki 50% sebagai yuran prestasi untuk menguruskan Dana *Tabarru'*. Bahagian agihan lebihan anda akan dimasukkan semula ke dalam PUA anda. Amaun sebenar bagi agihan lebihan akan ditentukan setiap tahun dan tertakluk pada kelulusan oleh Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah PruBSN.
8. Rider-rider Contributor akan membantu dalam pembayaran jumlah sumbangan apabila berlaku kematian (jika berkenaan), TPD atau penyakit kritikal ke atas diri anda atau ahli keluarga anda semasa tempoh bayaran sumbangan sijil dan jumlah manfaat adalah seperti yang dinyatakan dalam dokumen sijil takaful. Sekiranya sumbangan atau caj semakan menjejaskan jumlah sumbangan pada masa akan datang, anda dikehendaki membayar tambahan sumbangan penambahan bagi memastikan nilai PUA dan IUA mampan sepanjang tempoh sijil.
9. Terdapat tempoh rujukan percuma selama 15 hari selepas penghantaran sijil anda untuk membolehkan anda mengkaji sama ada ia memenuhi keperluan anda. Sekiranya sijil ini dibatalkan dalam tempoh ini, kami akan memulangkan kepada anda nilai unit (pada tarikh penilaian berikutnya) serta sumbangan yang tidak dilaburkan, Penolakan *Tabarru'*, caj perkhidmatan, caj pemrosesan (jika ada), cukai perkhidmatan (jika ada) yang telah kami tolak, ditolak perbelanjaan perubatan yang mungkin telah kami bayar atau bersetuju untuk bayar.
10. Anda boleh meminta secara bertulis untuk menarik balik Pelanjutan Tempoh Sijil pada bila-bila masa setelah sijil anda dikeluarkan. Ini akan menyebabkan perlindungan anda berakhir pada tempoh sijil asal tanpa lanjutan. Walau bagaimanapun, jika ada permintaan berikutnya untuk memohon semula Pelanjutan Tempoh Sijil, permohonan ini akan tertakluk kepada pengunderaitan.
11. Jika anda membatalkan sijil pada tahun-tahun awal, anda mungkin tidak memperoleh nilai sepenuhnya daripada amaun yang telah anda bayar kepada kami. Apabila anda menyerahkan sijil, semua manfaat dalam sijil akan ditamatkan.
12. Jika anda berhenti membayar atau tidak membayar sumbangan, perlindungan anda mungkin ditamatkan sebelum waktunya. Sijil anda akan tamat sekiranya amaun dalam PUA dan/atau IUA tidak mencukupi untuk membayar Penolakan *Tabarru'* dan caj-caj lain.
13. **PruBSN AsasLink** tidak menyediakan manfaat daripada Dana *Tabarru'* pada sijil luput penamatan, tamat tempoh atau kematangan sijil.

14. Sumbangan, kadar *Tabarru`* dan caj-caj lain adalah tidak dijamin. PruBSN boleh menyemak semula sumbangan, kadar *Tabarru`* dan/atau caj lain, dengan memberi notis bertulis 30 hari untuk manfaat perubahan dan penyakit kritikal atau 90 hari bagi manfaat lain kepada pemilik sijil. Sekiranya terdapat kenaikan kadar *Tabarru`*, anda mungkin perlu membayar sumbangan tambahan atau penambahan. Sumbangan untuk pelan ini perlu dibayar sepanjang tempoh sijil ini.
15. Untuk maklumat lanjut mengenai dana, sila rujuk Helaian Fakta Dana masing-masing yang terdapat di laman web kami di **www.prubsn.com.my**. Anda juga boleh memantau prestasidana anda dengan memeriksa harga unit yang disiarkan setiap hari di laman web kami.
16. Jika anda menukar pelan perubahan semasa anda dengan yang lain atau dari satu pembekal yang lain, anda mungkin tertakluk kepada keperluan pengunderaitan baru dan tempoh menunggu untuk pelan baru.
17. Sebarang rujukan kepada umur adalah berdasarkan Umur pada Hari Jadi Akan Datang.
18. Untuk **PruBSN AsasLink**, anda boleh menuntut pelepasan cukai insurans yang berkaitan, tertakluk pada terma dan syarat Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).
- 19. Sila ambil perhatian bahawa PruBSN Setia dan PruBSN AsasLink adalah produk takaful yang tertakluk pada prestasi aset-aset asas, dan ia bukan suatu produk pelaburan tulen seperti unit amanah.**

**Nota:** Maklumat lanjut untuk perlindungan dan manfaat-manfaat rider pilihan boleh didapati dalam Lampiran Keterangan Produk dan Ilustrasi Produk yang harus dibaca dengan teliti sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai pelan ini.

## PENGECUALIAN

**PruBSN AsasLink** tidak melindungi sebarang situasi berikut:

1. Kematian akibat membunuh diri dalam tahun pertama daripada tarikh permulaan sijil atau tarikh penguatkuasaan semula sijil.
2. TPD yang berlaku secara langsung ataupun tidak langsung disebabkan oleh:
  - i. Percubaan membunuh diri atau kecederaan yang dilakukan sendiri ke atas diri sendiri semasa waras atau tidak waras.
  - ii. Melakukan atau percubaan untuk melakukan kesalahan jenayah oleh orang yang dilindungi.
  - iii. Penyalahgunaan dadah atau stimulator, atau komplikasinya.
  - iv. Peperangan atau tindakan agresif, termasuk penaklukan, tindakan keganasan negara asing, musuh luar (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, rusuhan, campur tangan ketenteraan atau rampasan kuasa.
  - v. Penglibatan dalam aktiviti sukan profesional, pengalaman skuba, sebarang jenis perlumbaan, penerbangan udara selain daripada sebagai anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang, di atas kapal terbang komersial berlesen yang membawa penumpang dan beroperasi secara berjadual mengikut laluan biasa, atau sebarang aktiviti atau sukan merbahaya (termasuk penerjunan lelabah, geluncur angin, menaiki belon panas, penerjunan payung terjun dan penerjunan udara), melainkan kami memberi persetujuan melalui endorsan khas.
  - vi. Sebarang keadaan sedia ada yang tidak didedahkan kepada kami berhubung dengan status kesihatan bagi Orang yang Dilindungi.
  - vii. Sebarang keadaan kongenital, trauma kelahiran dan komplikasi dari sisanya, bagi sijil atau lampiran yang diluluskan semasa orang yang dilindungi masih berada dalam kandungan.

*Pengecualian dan had-had adalah tidak terhad kepada yang tertera di atas dan anda hendaklah merujuk kepada dokumen sijil untuk mendapatkan maklumat lanjut.*

3. HealthProtector tidak melindungi sebarang kemasukan ke hospital, pembedahan atau bayaran yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh mana-mana satu daripada kejadian yang berikut:
- i. Keadaan sedia ada jika keadaan itu tidak dinyatakan dalam borang cadangan atau apa-apa borang lain yang berkaitan dengan status kesihatan orang yang dilindungi selepas sijil berkuatkuasa.
  - ii. Penyakit Tertentu yang berlaku dalam tempoh 120 hari daripada tarikh berkuatkuasa rider. Walau bagaimanapun, jika terdapat pemberhentian dalam perlindungan sebelum tamat tempoh 120 hari tersebut, tempoh 120 hari yang baru akan bermula semula.
  - iii. Sebarang keadaan perubahan atau fizikal dan tanda-tanda atau gejala-gejalanya yang berlaku dalam tempoh 30 hari pertama sama ada dari tarikh berkuatkuasa rider atau tarikh penguatkuasaan semula, mana-mana yang kemudian, kecuali kecederaan traumatik tubuh badan yang disebabkan oleh kemalangan.
  - iv. Sebarang keadaan neonatal perubahan atau fizikal termasuk trauma kelahiran (kecederaan fizikal yang dialami oleh bayi semasa lahir) yang berlaku dalam tempoh 30 hari pertama sama ada dari tarikh berkuatkuasa rider, tarikh penguatkuasaan semula atau tarikh lahir orang yang dilindungi, mana-mana yang terkemudian.
  - v. Sebarang manfaat yang diperuntukkan di bawah Manfaat Komplikasi Kehamilan yang berlaku dalam tempoh 365 hari pertama sama ada dari tarikh berkuatkuasa rider atau tarikh penguatkuasaan semula, mana-mana yang terkemudian.
  - vi. Pembedahan plastik/kosmetik elektif (kecuali pembedahan rekonstruktif untuk mengembalikan fungsi), hiperhidrosis, berkhatan, pemeriksaan mata untuk rabun dekat, rabun jauh atau astigmatisme, alat bantuan visual dan pembiasaan atau pembedahan pembetulan rabun dekat (Keratotomy radial) dan penggunaan atau perolehan perkakas atau alat prostetik luaran seperti tidak terhad kepada anggota tiruan, semua jenis alat bantuan pendengaran, radas koklea, perentak luaran atau sementara, kardioverter defibrillator automatik yang diimplan dan preskripsi yang berkaitan.
  - vii. Keadaan pergigian termasuk rawatan pergigian atau pembedahan mulut kecuali diperlukan kerana kecederaan akibat kemalangan untuk memulihkan fungsi pada gigi asal yang sihat yang berlaku semasa sijil dan rider berkuatkuasa.
  - viii. Penjagaan peribadi (kecuali Manfaat Penjagaan untuk Jururawat di Rumah), rehat pulih atau penjagaan sanitasi.
  - ix. Penyalahgunaan dadah, gangguan akibat ketagihan daripada sebarang jenis penggunaan atau penyalahgunaan bahan atau alkohol, di bawah pengaruh alkohol, penyakit kelamin dan sekuelanya, AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau ARC (Kompleks Berkaitan AIDS) dan penyakit berkaitan HIV.
  - x. Sebarang rawatan atau pembedahan untuk keabnormalan atau kecacatan kongenital termasuk penyakit keturunan.
  - xi. Rawatan atau prosedur yang berkaitan dengan kehamilan atau bersalin dan komplikasinya, kehamilan, kehamilan semasa dan sebelumnya (dan komplikasi berkaitan), kelahiran anak (termasuk kelahiran secara pembedahan dan apa juga pembedahan atau prosedur bukan pembedahan ke atas sistem peranakan wanita ketika pembedahan untuk kelahiran), keguguran, pengguguran kandungan (termasuk sebarang pengguguran yang dijalankan disebabkan oleh psikologi atau sosial, dan sebarang kesan dari mana-mana prosedur ini) dan jagaan serta pembedahan pranatal atau postnatum, kaedah kawalan kelahiran kontraseptif mekanikal atau kimia, rawatan berkaitan ketaksuburan termasuk disfungsi erektil dan ujian atau rawatan berkaitan impoten atau pensterilan (dengan pengecualian bagi manfaat yang disediakan di bawah Komplikasi Kehamilan, jika berkenaan).

- xii. Terutamanya untuk tujuan penyiasatan, diagnosis, pemeriksaan X-ray, terapi sel stem, pemeriksaan fizikal atau perubatan am, tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis Hilang Upaya yang dilindungi atau sebarang rawatan yang tidak perlu dari segi perubatan dan apa-apa rawatan pencegahan, ubat-ubatan atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan oleh pakar perubatan, dan rawatan khusus untuk mengurangkan atau menambah berat badan atau pembedahan bariatric.
- xiii. Bunuh diri, percubaan membunuh diri atau kecederaan diri sendiri yang disengajakan ketika waras atau tidak waras.
- xiv. Peperangan atau sebarang tindakan peperangan, sama ada diisytiharkan atau tidak diisytiharkan aktiviti jenayah atau keganasan, serangan musuh asing, berkecimpung dalam mana-mana angkatan bersenjata, menyertai mogok, rusuhan, kekacauan awam, pemberontakan, revolusi atau sebarang operasi peperangan.
- xv. Radiasi ion dan pencemaran radioaktif daripada mana-mana bahan api nuklear atau sisa nuklear akibat proses ledakan nuklear atau akibat daripada apa-apa bahan senjata nuklear.
- xvi. Perbelanjaan yang ditanggung untuk pendermaan mana-mana bahagian badan atau organ oleh orang yang dilindungi dan kos perolehan organ termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma ketika pemindahan organ dan komplikasinya.
- xvii. Pemeriksaan dan rawatan apnea tidur dan gangguan dengkur, terapi penggantian hormon dan terapi alternatif seperti rawatan, khidmat atau bekalan perubatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada rawatan kiropraktik, akupunktur, acupressure, refleksologi, pemulihan tulang, terapi oksigen hiperbarik, rawatan pakar herba, urutan atau terapi aroma atau rawatan alternatif yang lain.
- xviii. Penjagaan atau rawatan yang tidak memerlukan bayaran atau kos tersebut akan dibayar oleh mana-mana insurans atau indemniti lain yang melindungi Orang yang Dilindungi dan Kehilangan Upaya yang timbul daripada tanggungjawab pekerjaan atau profesion yang dilindungi di bawah Kontrak Takaful Pampasan Pekerja.
- xix. Psikiatrik, gangguan mental atau saraf dan keadaan yang disebabkan oleh penyakit nyanyuk (termasuk apa-apa neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatiknya).
- xx. Kos/perbelanjaan perkhidmatan yang bukan bersifat perubatan, seperti televisyen, telefon, perkhidmatan telex, radio atau kemudahan seumpamanya, kit/pek kemasukan dan perbelanjaan bukan perubatan yang lain.
- xxi. Mengambil bahagian dalam sebarang jenis perlumbaan (kecuali lumba lari atau lumba jalan kaki), sukan berbahaya seperti tetapi tidak terhad kepada terjun di udara, luncur air, aktiviti dalam air yang memerlukan alat pernafasan, sukan lasak musim sejuk, sukan profesional dan aktiviti yang menyalahi undang-undang.
- xxii. Penerbangan persendirian selain sebagai penumpang yang membayar tambang dalam mana-mana penerbangan komersial berjadual yang berlesen untuk membawa penumpang melalui laluan yang telah ditetapkan.
- xxiii. Perbelanjaan yang ditanggung untuk menukar jantung atau transformasi jantung.
- xxiv. Rawatan bersifat eksperimen, termasuk ubat-ubatan dan/atau teknologi/prosedur perubatan bukan konvensional, yang belum terbukti berkesan, berdasarkan amalan perubatan biasa, dan yang belum disahkan oleh badan yang diiktiraf di Malaysia.
- xxv. Penjagaan atau rawatan yang tidak membawa kepada pemulihan, konservasi keadaan orang yang dilindungi atau pemulihan keadaan kesihatan orang yang dilindungi seperti sebelumnya.
- xxvi. Sebarang gigitan serangga termasuk gigitan nyamuk dan kecacingan yang berlaku dalam tempoh 30 hari pertama dari tarikh berkuatkuasa rider atau tarikh penguatkuasaan semula, mana-mana yang terkemudian.

*Pengecualian dan had-had adalah tidak terhad kepada yang tertera di atas dan anda hendaklah merujuk kepada dokumen sijil untuk mendapatkan maklumat lanjut.*

## APAKAH ITU TAKAFUL?

Suatu perkiraan yang berasaskan pertolongan secara bersama yang di bawahnya peserta takaful bersetuju untuk menyumbang kepada suatu kumpulan wang yang sama yang menyediakan manfaat kewangan bersama yang dibayar kepada peserta takaful itu atau kepada benefisiarinya pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui terdahulu.

*Seksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam*

Takaful diambil daripada istilah Arab '*kafala*' yang membawa erti "**Jaminan bersama**" atau **menjamin antara satu sama lain**.

Secara literal, Takaful bermaksud tanggungjawab, jaminan, dan perjanjian bersama. Secara umum, takaful diasaskan atas persetujuan kerjasama (*Ta`awun*) berdasarkan prinsip persamaan dan perpaduan, merangkumi elemen-elemen pampasan bersama dan kepentingan bersama.

Terdapat tiga (3) aspek persamaan yang terangkum dalam takaful, iaitu pertolongan bersama, tanggungjawab bersama, dan perlindungan bersama.

Apabila seseorang terlibat dalam skim takaful, dia bukan sahaja mencari perlindungan untuk dirinya, malah bekerjasama dengan peserta-peserta lain untuk sama-sama menyumbang antara satu sama lain ketika memerlukan.



**PERTOLONGAN BERSAMA**



**PERLINDUNGAN BERSAMA  
DARIPADA KERUGIAN**



**TANGGUNGJAWAB BERSAMA**



Secara intipatinya, takaful adalah berasaskan prinsip "**Ta`awun**" (kerjasama/pertolongan bersama) di mana penglibatan penyertaannya adalah **Tabarru`at** (kebajikan).

# PRUDENTIAL BSN

## TAKAFUL

PruBSN AsasLink adalah produk yang patuh Syariah.  
PruBSN Setia adalah pakej perlindungan yang berdasarkan pada PruBSN AsasLink.


Prudential BSN Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk maklumat/pertanyaan lanjut, sila hubungi:

### PRUDENTIAL BSN TAKAFUL BERHAD

No. Syarikat 200601020898 (740651-H)

Tingkat 13, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat,  
55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur.

 03 2775 7188

 [customer@prubsn.com.my](mailto:customer@prubsn.com.my)



SMS PruBSN dan hantarkan ke **33080**



[www.facebook.com/prubsn](http://www.facebook.com/prubsn)



[www.instagram.com/prubsn\\_official](http://www.instagram.com/prubsn_official)



[www.linkedin.com/company/prudential-bsn-takaful-berhad](http://www.linkedin.com/company/prudential-bsn-takaful-berhad)



Prudential BSN Takaful Berhad ialah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Sebagai ahli PIDM, sebahagian daripada manfaat yang dilindungi di bawah sijil takaful yang ditawarkan oleh Prudential BSN Takaful Berhad dilindungi daripada kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful oleh PIDM, sekiranya berlaku kegagalan Pengendali Takaful. Untuk maklumat lanjut mengenai had dan skop perlindungan ini, sila dapatkan risalah maklumat PIDM daripada Prudential BSN Takaful Berhad atau layari laman web PIDM ([www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)) atau hubungi talian bebas tol PIDM (1-800-88-1266).

**Penting:** Anda seharusnya berpuas hati bahawa produk ini mampu memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang dibayar di bawah sijil ini merupakan jumlah yang anda mampu bayar.

*Semua maklumat adalah betul semasa penerbitan. Diterbitkan Oktober 2023.*